

Pedalaman juara Olahraga Jemputan UMS 2011

UB 6/4/2011 /A18

KOTA KINABALU: Kontingen Pedalaman muncul juara pertama Kejohanan Olahraga Jemputan Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2011 yang berlangsung di Stadium UMS pada 2-3 April lalu.

Pedalaman meraih 10 pingat emas, lapan perak dan empat gangsa untuk menafikan cabaran 13 pasukan pada kejohanan selama dua hari berkenaan.

Pasukan tuan rumah, UMS memberi tantangan sengit tetapi terpaksa berpuas hati berada di tangga kedua dengan tujuh pingat emas, enam perak dan empat gangsa diiktui pasukan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah (MSSD) Kota Kinabalu dengan empat emas, tiga perak dan 12 gangsa.

Pasukan lain yang mengambil bahagian terdiri dari SMK Datuk Peter Mojuntin yang sekadar mengutip tiga emas, tiga perak dan lima gangsa, North Borneo (3e, 2p), Tsubasa (2e, 2p, 2g), Politeknik (1e, 5p, 1g), IPG Tawau (1e, 3p, 4g), IPG Gaya (1e), SMK Muhibbah (1e), SMK Tansau (1p) dan Kudat (1g).

Hanya pasukan IKM dan IPG Kent gagal meraih sebarang pingat pada kejohanan yang menawarkan 33 pingat emas berkenaan.

Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah berkata ia merupakan lembaran baru buat

UMS dalam sumbangannya kepada pembangunan sukan olahraga negeri ini.

"Kita tahu bahawa tidak banyak kejohanan besar dan berkualiti diadakan di negeri ini untuk atlet-atlet kita mengasah bakat mereka. Kejohanan berkualiti ini adalah salah satu proses pembangunan penting bagi ahli sukan."

"Oleh itu UMS rasa terpanggil untuk mengambil bahagian untuk turut serta memberi sumbangan sehingga terlaksananya kejohanan yang julung kali diadakan ini."

"Saya bagi pihak UMS amat gembira kerana kejohanan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan termasuk penyertaan ramai atlet terbaik negeri ini seperti bekas pemenang pingat emas acara 110m lari berpagar Sukan Sea, Rayzamshah Wan Sofian," katanya sambil mengumumkan bahawa kejohanan itu akan dijadikan acara tahunan.

Rayzamshah adalah antara kira-kira 200 atlet yang mengambil bahagian pada kejohanan itu.

Seperi yang dijangka, Rayzamshah yang mewakili pasukan North Borneo tidak menghadapi masalah merangkul pingat emas dalam acara kegemarannya (110m lari berpagar).

Beliau malahan turut terlibat

menyumbangkan ketiga-tiga pingat emas pasukannya apabila turut memenangi acara 200m dan membantu rakan-rakannya merangkul pingat emas acara 4x100m.

Kecemerlangannya itu menyaksikan anugerah Olahragawan Kejohanan menjadi miliknya.

Anugerah Olahragawati Kejohanan pula dimenangi atlet negeri, Merlin Uganis yang mewakili pasukan Pedalaman dengan kejayaannya merangkul empat pingat emas.

Kejohanan itu menawarkan hadiah wang tunai RM500, piala, medal dan hamper kepada juara keseluruhan manakala pasukan yang menduduki tempat kedua dan ketiga masing-masing menerima piala, medal dan hamper.

Asyraaf semasa menyampaikan hadiah memberitahu bahawa sambil mengambil bahagian menyumbang pembangunan sukan olahraga negeri ini, kejohanan itu juga akan memberi manfaat kepada atlet UMS sendiri sebagai persediaan pertandingan lain.

"Sekarang inipun UMS sedang membuat persiapan menghadapi Sukan Majlis Universiti-Universiti Malaysia (Masum) yang akan berlangsung pada Mei depan," katanya.